

# Penambakan di Pulau Sudong dijangka jejas habitat marin

Singapura laksana pelbagai langkah mitigasi minimum kesan ke atas ekologi, biodiversiti

BH 28/01/24 M15 25

**Singapura:** Kerja-kerja penambakan di timur Pulau Sudong bagi menaik taraf landasan pesawat tentera dijangka boleh mengakibatkan kehilangan dua hektar kawasan terumbu karang serta habitat rumput laut dan hutan bakau.

Memetik laporan *The Straits Times*, Lembaga Perumahan (HDB) berkata bagi mengurangkan kesan alam sekitar projek itu, pihak berkuasa akan menempatkan semula spesies yang jarang ditemui, selain menjalankan kerja pemulihan habitat sebaik saja penambakan siap menjelang 2028.

Kira-kira 31.1 hektar tanah atau seluas 43 padang bola sepak akan ditebus guna di bahagian timur pulau itu, yang diwartakan untuk



kegunaan tentera sejak 1970-an bagi tujuan meningkatkan keselamatan penerbangan, terutama ketika cuaca buruk.

Menerusi tinjauan dijalankan dari 2016 hingga 2017 dan dari Disember 2022 hingga Januari 2023, 83 spesies fauna marin yang berbeza direkodkan di seluruh kawasan pasang surut yang terjejas, beberapa daripadanya disenarai-kan sebagai terdedah.

Walaupun kehilangan habitat rumput laut dan makhluk laut

kecil boleh memberi kesan tidak langsung kepada haiwan seperti ikan lumba-lumba dan dugong, tiada penampakan haiwan marin ini ketika tinjauan dijalankan.

HDB berkata, pelbagai langkah mitigasi akan dilaksanakan untuk meminimumkan kesan ke atas ekologi dan biodiversiti di kawasan itu.

Bagi menyelamatkan hutan bakau, laporan itu mengesyorkan benih bakau dikumpulkan dan dipindahkan ke kawasan alam

semula jadi yang sesuai seperti Rizab Tanah Lembap Sungei Buloh atau Pulau Ubin.

Pelan pengurusan biodiversiti lebih terperinci akan disediakan dengan berunding bersama Lembaga Taman Negara sebelum kerja penambakan dimulakan.

## Kajian ekosistem terhad

Selain itu, bagi menyokong biodiversiti dengan lebih baik dan mempercepatkan penjajahan semula alam semula jadi, jubin bio

boleh dipasang untuk dinding laut, yang membantu menyokong hidupan marin dengan lebih baik.

Sementara itu, Profesor Madya Huang Danwei dari Institut Sains Marin Tropika Universiti Nasional Singapura, menyatakan kajian mengenai ekosistem marin Pulau Sudong sangat terhad kerana ia di luar batasan selama bertahun-tahun kepada penyelidik dan orang ramai.

“Spesies karang berbatu ini sudah dihapuskan bertahun-tahun di tengah-tengah penambakan dan pembangunan, jadi ia perlu diberi keutamaan untuk pemindahan dan pemulihan atau berpotensi menjadi pupus,” katanya.

Pada 1970-an, kira-kira 242.82 hektar tanah ditebus guna di sekitar Pulau Sudong, secara drastik bagi mengembangkan saiz pulau.

Penghuni terpaksa berpindah ke tanah besar kerana pulau itu diperuntukkan untuk pembangunan semula, dengan Pulau Semakau dan Pulau Seking mengalami nasib sama.

Sejak itu, Pulau Sudong menjadi zon tentera, manakala Pulau Semakau dan Pulau Seking dihubungkan untuk membentuk Tapak Pelupusan Semakau. AGENSI